



## MINORITY SHAREHOLDERS WATCH GROUP

BADAN PENGAWAS PEMEGANG SAHAM MINORITI BERHAD

(Incorporated in Malaysia . Registration No. 200001022382 (524989-M))

# The Observer

Badan Pengawas Pemegang Saham Minoriti kini di LinkedIn. Keberadaan MSWG di LinkedIn bertujuan meningkatkan kehadiran kami dalam media sosial selain menggalakkan penglibatan yang lebih berkesan dengan pihak berkepentingan. Ikuti akaun LinkedIn MSWG di <https://www.linkedin.com/company/mswg-malaysia/> dan kongsi pendapat anda dengan kami dari semasa ke semasa.

Ikuti juga akaun Twitter MSWG di @MSWGMalaysia.

11.11.2022

### ❖ Peningkatan yang membanggakan dalam pemarkahan tadbir urus korporat walaupun berdepan cabaran dan gangguan

Ketika dunia bergelut dengan pandemik COVID-19, sekatan yang dikenakan oleh pihak kerajaan di seluruh dunia untuk mengekang penyebaran wabak tersebut telah membawa cabaran yang getir kepada tadbir urus korporat (*corporate governance, CG*).

Walaupun terpaksa menghadapi cabaran yang belum pernah berlaku sebelum ini, syarikat awam tersenarai (*public limited companies, PLC*) tempatan terus mengorak langkah untuk menambah baik amalan CG mereka serta pelaporan dalam laporan tahunan.

Berdasarkan projek penilaian CG tahunan kami untuk menilai semua PLC Malaysia, PLC kita mencatatkan peningkatan yang membanggakan iaitu sebanyak 5.4% dalam markah keseluruhan CG kepada 83.58 mata berbanding 79.28 mata (daripada jumlah keseluruhan 130 mata).

Sementara itu, trend menaik juga diperhatikan dalam 100 PLC Teratas (berdasarkan kedudukan CG) dan PLC Pasaran ACE, yang mencatatkan peningkatan 2.82% dan 4.79% dalam skor purata masing-masing kepada 104.6 mata dan 79.7 mata.

Selain itu, suatu kejayaan yang membanggakan apabila melihat 787 syarikat atau 91% daripada jumlah 864 syarikat yang dinilai mencatatkan markah CG melebihi 71 mata, berbanding 692 syarikat (atau 81% daripada jumlah syarikat yang dinilai) pada tahun 2020.

Projek penilaian CG tahunan MSWG-ASEAN menilai semua PLC Malaysia, tidak termasuk syarikat yang disenaraikan di Pasaran LEAP, syarikat Nota Amalan 17 (PN17) dan Nota Panduan 3 (GN3). Penilaian yang dibuat adalah berdasarkan Kad Skor CG ASEAN.

Penilaian tahun 2021 dibuat berdasarkan penzahiran PLC dalam laporan tahunan terkini, laporan CG dan laporan kemampuan bagi tahun kewangan berakhir 30 April

2020 hingga 31 Mac 2021. Sumber maklumat lain termasuk maklumat di laman sesawang korporat, pengumuman melalui bursa saham dan maklumat yang disiarkan secara terbuka, termasuk laporan media.

### **Dasar dan pembayaran dividen**

Apabila membicarakan tentang dividen, hartawan John D. Rockefeller pernah berkata satu-satunya saat paling menyeronokkan dalam hidup adalah apabila melihat dividennya masuk. Walaupun pemegang saham boleh memohon untuk diberikan dividen, namun PLC tidak diwajibkan untuk membayar dividen kepada pemegang saham mereka.

Daripada 864 syarikat yang dinilai, 458 atau 53% daripadanya membayar dividen kepada pemegang saham dalam tempoh yang ditinjau. Bilangan syarikat yang membayar dividen adalah 3% lebih tinggi berbanding 445 syarikat pada tahun 2020. Ini juga menunjukkan kebangkitan semula selepas berlaku penurunan dalam tempoh dua tahun berturut-turut. Sebagai perbandingan, terdapat 460 dan 499 syarikat yang membayar dividen dalam penilaian tahun 2019 dan 2018.


Walaupun dapatan yang menyatakan bahawa lebih banyak PLC mengagihkan dividen kepada pemegang saham amat menggembirakan, hanya 145 syarikat atau 17% daripada jumlah keseluruhan, menzahirkan dasar dividen dalam laporan tahunan mereka.

Para pemegang saham biasanya melihat dividen sebagai tanda kemampanan aliran tunai sesebuah PLC dan jangkaan positif lembaga pengarah terhadap pendapatan syarikat pada masa hadapan. Oleh itu, dasar dividen memberikan pemegang saham suatu tahap kepastian dan jaminan tertentu mengenai jumlah dan masa pembayaran dividen.

Daripada 458 syarikat yang membayar dividen, kira-kira 14% daripada mereka membayar dividen tunai dalam tempoh 30 hari atau melaksanakan pelan pelaburan semula dividen (*dividend reinvestment plan*, DRP) dalam tempoh 60 hari. Syarikat selebihnya mengambil masa lebih lama daripada tempoh yang ditetapkan oleh kad skor untuk membayar dividen atau melaksanakan DRP.

### **Penzahiran imbuhan pengarah**

Bagi 100 PLC Teratas dan semua PLC, peratusan syarikat yang menzahirkan imbuhan pengarah mereka secara individu adalah malar pada 100% dan 91%. Bagaimanapun, penzahiran imbuhan pengarah dalam kalangan PLC dalam Pasaran ACE mencatatkan penurunan yang marginal. Nisbahnya telah menyusut daripada 91% kepada 88%.



Sumber: Laporan Tadbir Urus Korporat MSWG-ASEAN 2021

Meskipun terdapat keperluan mandatori untuk menzahirkan imbuhan yang tepat bagi setiap pengarah, berdasarkan nama, termasuk pecahan imbuhan (seperti dalam Perenggan 11, Bahagian A Lampiran 9C, Keperluan Penyenaraian Pasaran Utama), 74 syarikat masih menzahirkan imbuhan pengarah mereka secara sekaligus atau dalam kelompok.

Sebagai tambahan kepada keperluan penyenaraian, Amalan 8.1 Kod Tadbir Urus Korporat Malaysia juga menggalakkan amalan CG yang baik iaitu menyediakan penzahiran terperinci yang menyenaraikan nama dan imbuhan setiap pengarah.

Mengenai imbuhan pengarah, kami mendapati bahawa, secara purata, pengarah eksekutif (*executive directors*, ED) dalam enam daripada 13 sektor (mengikut klasifikasi sektor Bursa Malaysia) mencatatkan peningkatan dalam imbuhan mereka.

Sektor Telekomunikasi dan Media mencatatkan peningkatan paling ketara iaitu sebanyak 74% dalam imbuhan purata ED kepada RM2.25 juta berbanding RM1.3 juta pada tahun 2020. Sementara itu, ED daripada sektor Utiliti menyaksikan penurunan paling ketara dalam imbuhan purata mereka, menyusut sebanyak 42.25% kepada RM2.68 juta daripada RM4.64 juta pada tahun 2020.

Sebaliknya, hampir kesemua 13 sektor mencatatkan penurunan dalam imbuhan purata pengarah bukan eksekutif kecuali sektor Utiliti dan Dana Pelaburan Hartanah.

### **Tempoh pemegangan jawatan pengarah bebas**

Isu berkaitan pelantikan semula pengarah bebas (*independent directors*, ID) yang telah lama berkhidmat sering menimbulkan kekusaran dalam kalangan pemegang saham.

Daripada 6,086 jawatan pengarah dalam tempoh tinjauan, 49% daripadanya adalah pengarah bebas. Penilaian kami bagi tahun 2021 mendapati bahawa tempoh perkhidmatan paling lama ialah 42 tahun, manakala yang paling singkat adalah kurang dari setahun.

Amalan 5.3 MCCG mengesyorkan bahawa tempoh pemegangan jawatan bagi pengarah bebas tidak melebihi had tempoh kumulatif sembilan tahun. Setelah tamat tempoh sembilan tahun, pengarah bebas boleh terus berkhidmat dalam lembaga sebagai pengarah bukan bebas.

Sekiranya lembaga pengarah berhasrat untuk mengekalkan pengarah bebas melebihi sembilan tahun, ia perlu memberikan alasan yang wajar dan mendapatkan kelulusan pemegang saham dalam mesyuarat agung tahunan melalui proses pengundian dua peringkat.

Bagaimanapun, pada 1 Jun 2023, tempoh pemegangan jawatan pengarah bebas dalam lembaga pengarah syarikat yang tersenarai di Bursa Malaysia akan dihadkan kepada 12 tahun, berikutan pindaan kepada Keperluan Penyenaian Pasaran Utama dan Pasaran ACE yang dikeluarkan oleh Bursa Malaysia Securities. Pada masa itu, semua pengarah bebas yang telah lama berkhidmat yang terjejas oleh pindaan ini perlu meletakkan jawatan atau ditukar jawatan sebagai pengarah bukan bebas.

Dalam perkembangan lain, kami berbesar hati apabila melihat bilangan syarikat yang bertegas mengguna pakai had tempoh selama sembilan tahun untuk pengarah bebas telah melonjak 85% kepada 148, berbanding 80 syarikat dalam penilaian tahun 2020.

## **Kesimpulan**

Penilaian Tadbir Urus Korporat MSWG-ASEAN 2021 adalah berdasarkan penzahiran dan amalan CG PLC sewaktu mereka mengharungi tempoh yang penuh cabaran ketika pandemik COVID-19 menyebabkan huru hara terhadap ekonomi global.

Pemarkahan yang bertambah baik menunjukkan bahawa PLC kita komited untuk menegakkan amalan CG yang lebih baik supaya sejajar dengan piawaian antarabangsa.

Penemuan terperinci bagi penilaian CG 2021 kami boleh didapati dalam Laporan Tadbir Urus Korporat MSWG Malaysia-ASEAN 2021. Laporan ini boleh dibeli melalui laman web MSWG di [www.mswg.org.my](http://www.mswg.org.my).

**Devanesan Evanson**  
**Ketua Pegawai Eksekutif**

---

## **Tinjauan Mingguan AGM/EGM MSWG untuk tempoh 14 hingga 18 November 2022**

Berikut adalah AGM/EGM syarikat-syarikat di bawah senarai pemantauan Badan Pengawas Pemegang Saham Minoriti (MSWG) pada minggu ini.

Ringkasan perkara penting disenaraikan di bawah, manakala butiran terperinci soalan yang diajukan kepada syarikat boleh didapati di laman web MSWG di [www.mswg.org.my](http://www.mswg.org.my)

<b>Tarikh dan Masa</b>	<b>Syarikat</b>	<b>Tinjauan ringkas</b>
15.11.22 (Selasa) 09.30 pagi	Affin Bank Berhad (EGM)	EGM ini bertujuan mendapatkan kelulusan pemegang saham untuk cadangan perubahan kepada penggunaan hasil yang diperoleh daripada penjualan Affin Hwang Asset Management bagi membolehkan sebahagian

		daripada hasil tersebut diagihkan sebagai dividen khas kepada pemegang saham Affin Bank.
15.11.22 (Selasa) 10.00 pagi	Sime Darby Berhad (AGM)	<p>Pendapatan Kumpulan tahun ke tahun merosot sebanyak 4.1% kepada RM42.5 bilion (tahun kewangan 2021: RM44.3 bilion) terutamanya disebabkan oleh pendapatan yang lebih rendah daripada operasi China untuk Bahagian Perindustrian dan Motor. Untung bersihnya sebanyak RM1.1 bilion adalah 22.6% lebih rendah daripada untung bersih tahun kewangan 2021 iaitu sebanyak RM1.4 bilion, termasuk keuntungan tidak berulang daripada penjualan Tesco Malaysia.</p> <p>Tinjauan perniagaan diramalkan lebih mencabar dalam beberapa bulan akan datang berikutan kadar faedah yang terus meningkat apabila bank pusat mengetatkan dasar monetari bagi memerangi inflasi.</p>
15.11.22 (Selasa) 10.30 pagi	DPI Holdings Berhad (AGM)	<p>Untung bersih DPI bagi tahun kewangan 2022 turun 56.5% kepada RM5.2 juta (tahun kewangan 2021: RM11.9 juta) berikutan penurunan pendapatan sebanyak 18.8% kepada RM50.7 juta (tahun kewangan 2021: RM62.5 juta). Harga bahan mentah dan kos logistik yang lebih tinggi memberi kesan terhadap margin keuntungan manakala Perintah Kawalan Pergerakan Penuh menjejaskan pesanan jualan pada suku pertama tahun kewangan 2022.</p>
16.11.22 (Rabu) 11.00 pagi	Ingenieur Gudang Berhad (EGM)	Ingenieur Gudang ingin mendapatkan kelulusan pemegang saham bagi pelaksanaan korporat berikut:

		<ul style="list-style-type: none"> <li>- Cadangan pengambilalihan oleh Magnitude Resources Sdn. Bhd. ke atas Tanah Puncak Alam daripada Yuwang Development Sdn Bhd dengan balasan tunai berjumlah RM30.45 juta</li> <li>- Cadangan pelupusan premis Johor oleh Ingenieur EPCM Sdn Bhd (IESB) kepada Dynaciate Engineering Sdn. Bhd. (DESB) dengan balasan tunai berjumlah RM16.6 juta</li> <li>- Cadangan pelupusan premis Pahang oleh IESB kepada DESB dengan balasan tunai berjumlah RM9.4 juta</li> </ul>
17.11.22 (Khamis) 10.00 pagi	Dialog Group Berhad (AGM)	<p>Kumpulan menutup tahun kewangan 2022 dengan pendapatan sebanyak RM2.32 bilion iaitu 44% lebih tinggi daripada RM1.61 bilion yang dicatatkan pada tahun sebelumnya. Pendapatan yang lebih tinggi disumbangkan oleh peningkatan aktiviti perniagaan bagi operasi tempatan dan luar negara. Sementara itu, untung bersihnya menyusut 6.8% kepada RM505.9 juta berbanding RM543.1 juta.</p> <p>Untung bersih selepas cukai yang lebih rendah terutamanya disebabkan oleh kos projek yang lebih tinggi dan kerugian dalam beberapa projek kejuruteraan, pembinaan dan penyelenggaraan.</p>
18.11.22 (Jumaat) 09.00 pagi	Axiata Group Berhad (EGM)	Axiata ingin mendapatkan kelulusan daripada pemegang saham untuk cadangan penggabungan operasi telekomunikasi antara Celcom Axiata Berhad dan Digi.com Berhad.

18.11.22 (Fri) 10.00 pagi	RGT Berhad (AGM)	<p>Tahun kewangan 2022 merupakan tahun yang sibuk bagi RGT kerana ia telah menyelesaikan banyak pengambilalihan dengan membelanjakan RM113.9 juta dalam tempoh 12 bulan yang lalu.</p> <p>Dengan muktamadnya pengambilalihan ini, RGT telah mempelbagaikan aktiviti ke dalam segmen Automasi dan Kejuruteraan Ketepatan (<i>Automation and Precision Engineering, APE</i>) di samping perniagaan pembuatan yang sedia ada.</p>
18.11.22 (Fri) 02.00 petang	DIGI. Com. Berhad (EGM)	EGM ini bertujuan mendapatkan kelulusan pemegang saham untuk Cadangan Penggabungan Celcom Axiata Berhad dan Digi.Com Berhad serta cadangan pengecualian untuk Axiata Group Berhad dan orang yang bertindak bersama-sama dengannya ( <i>persons acting in concert, PAC</i> ) daripada kewajiban untuk melaksanakan tawaran pengambilalihan mandatori bagi memperoleh baki saham biasa dalam Digi yang belum dimiliki olehnya dan PACnya selepas selesai Cadangan Penggabungan itu.

**Perkara penting untuk diketengahkan:**

Syarikat	Perkara penting/ Isu untuk diketengahkan
Sime Darby Berhad (AGM)	<p>Peruntukan dan penurunan nilai inventori (bersih) meningkat kepada RM73 juta (2021: RM44 juta). (Halaman 185, Laporan Tahunan 2022)</p> <p>a) Apakah jenis inventori yang telah diturunkan nilai? Berapakah jumlah inventori yang telah diturunkan nilai ini masih boleh dijual?</p> <p>b) Memandangkan inventori Kumpulan telah meningkat kepada RM9.2 bilion berbanding RM8.3 bilion pada tahun kewangan 2021 (halaman 180, Laporan Tahunan 2022), apakah kebarangkalian terdapat pertambahan dalam</p>

	peruntukan dan penurunan nilai inventori pada tahun kewangan berakhir 2023?
DPI Holdings Berhad (AGM)	<p>Kesan daripada harga bahan mentah yang lebih tinggi, Kumpulan telah meningkatkan harga jualannya pada suku ketiga tahun kewangan 2022 untuk mengekalkan margin keuntungan (halaman 14, Laporan Tahunan 2022). Walaupun terdapat peningkatan dalam harga jualan, margin keuntungan Kumpulan menunjukkan trend yang menurun (seperti yang dilaporkan dalam suku keempat tahun kewangan 2022 dan suku pertama tahun kewangan 2023).</p> <ol style="list-style-type: none"> <li>Sila jelaskan pandangan syarikat tentang kesan harga bahan mentah (serta kos dan perbelanjaan utama lain) ke atas margin keuntungan serta mengimbangi antara kenaikan harga jualan dan margin keuntungan. Apakah strategi syarikat untuk meningkatkan margin keuntungan dan bilakah syarikat menjangkakan pemulihan dalam prestasi?</li> <li>Adakah syarikat menjangkakan kenaikan harga bahan mentah akan beransur sederhana atau stabil pada masa hadapan? Sila nyatakan pandangan syarikat terhadap keadaan pasaran bahan mentah.</li> <li>Apakah harga jualan purata (<i>average selling price, ASP</i>) semasa dan kos bagi setiap tin cat semburan aerosol syarikat dan berapa banyak yang telah berubah sejak suku ketiga tahun kewangan 2022?</li> <li>Bagaimanakah ASP syarikat jika dibandingkan dengan pesaing dan apakah strategi syarikat untuk penetapan harga yang kompetitif?</li> </ol>
Dialog Group Berhad (AGM)	<ol style="list-style-type: none"> <li>Pinjaman Kumpulan dalam denominasi dolar Singapura telah meningkat kepada RM1.129 bilion pada tahun kewangan 2022 daripada RM0.953 bilion pada tahun kewangan 2021.  Pinjaman dalam dolar Singapura merangkumi 60.6% daripada pinjaman Kumpulan pada tahun kewangan 2022. (Halaman 71, Penyata Kewangan) <ol style="list-style-type: none"> <li>Mengapakah Kumpulan membuat pinjaman yang besar dalam denominasi dolar Singapura sedangkan lebih daripada 57.4% pendapatan pada tahun kewangan 2022 diperolehi dari Malaysia?</li> <li>Kadar faedah Singapura meningkat dengan pesat baru-baru ini dan dolar Singapura juga mengukuh berbanding Ringgit. Berapakah jangkaan kenaikan kos faedah dan jumlah yang timbul daripada kenaikan kadar faedah?</li> </ol> </li> </ol>



	<p>c. Sila berikan pecahan peminjaman dalam dolar Singapura kepada kadar tetap dan kadar terapung bagi tahun kewangan 2022.</p> <p>2. Margin untung kasar Kumpulan ialah 14.2% pada tahun kewangan 2022 berbanding 23.0% pada tahun kewangan 2021. (Halaman 17, Penyata Kewangan)</p> <p>a. Apakah yang menyebabkan penyusutan margin untung kasar pada tahun kewangan 2022?</p> <p>b. Segmen perniagaan manakah yang mencatatkan margin untung kasar yang rendah pada tahun kewangan 2022 berbanding tahun kewangan 2021?</p>								
<p>Axiata Group Berhad (EGM)</p>	<p><u>Cadangan Penggabungan operasi telekomunikasi Celcom Axiata Berhad ("Celcom") dan Digi.Com Berhad ("Cadangan Penggabungan")</u></p> <p>Perolehan sebelum faedah, cukai, susut nilai dan pelunasan (EBITDA) kumpulan Axiata yang diperolehi daripada segmen mudah alih di Malaysia adalah agak stabil dalam tempoh tiga tahun lalu seperti ditunjukkan di bawah:</p> <table border="1" data-bbox="592 976 1370 1077"> <thead> <tr> <th>Tahun kewangan berakhir</th> <th>2019 RM'000</th> <th>2020 RM'000</th> <th>2021 RM'000</th> </tr> </thead> <tbody> <tr> <td>EBITDA</td> <td>2,618,458</td> <td>2,589,948</td> <td>2,825,957</td> </tr> </tbody> </table> <p>a. Cadangan Penggabungan akan menyaksikan Axiata kehilangan kawalan langsung ke atas aliran tunai (seperti yang ditunjukkan dalam jadual di atas) daripada Celcom iaitu syarikat milik penuhnya, yang telah menyumbang kira-kira satu perempat daripada jumlah perolehan sebelum faedah, cukai, susut nilai dan pelunasan (EBITDA) kumpulan Axiata. Melangkah ke hadapan, sejauh manakah kesannya terhadap aliran tunai kumpulan Axiata kerana ia bergantung kepada dividen daripada MergeCo, sedangkan MergeCo juga mempunyai keperluan perbelanjaan modal sendiri? Adakah MergeCo berhasrat untuk mewujudkan dasar dividen rasmi?</p> <p>b. Selepas muktamad Cadangan Penggabungan, kumpulan Axiata akan meletakkan pergantungan yang lebih kukuh terhadap aliran tunai dan pendapatan dari Sri Lanka, Nepal, Indonesia, Bangladesh dan Kemboja yang akan mendedahkan Kumpulan kepada risiko yang lebih besar (risiko turun naik yang lebih tinggi berbanding Malaysia). Memandangkan persekitaran makroekonomi global semasa yang mencabar (tekanan inflasi, kadar faedah yang tinggi, turun naik kadar mata wang), apakah kesannya terhadap keuntungan pada masa hadapan dan bagaimanakah Kumpulan mengurus dan mengurangkan risiko perniagaan ini?</p>	Tahun kewangan berakhir	2019 RM'000	2020 RM'000	2021 RM'000	EBITDA	2,618,458	2,589,948	2,825,957
Tahun kewangan berakhir	2019 RM'000	2020 RM'000	2021 RM'000						
EBITDA	2,618,458	2,589,948	2,825,957						

	<p>c. Cadangan Penggabungan ini akan mewujudkan nilai penting daripada sinergi yang direalisasikan melalui penyepaduan rangkaian Celcom dan Digi, teknologi maklumat serta jabatan jualan dan pemasaran (halaman 15 Pekeliling bertarikh 28 Oktober 2022). Adakah terdapat potensi penjimatan perbelanjaan modal yang ketara memandangkan Celcom dan Digi berkongsi infrastruktur rangkaian yang sama? Jika ya, berapakah jumlahnya?</p>
<p>RGT Berhad (dahulu dikenali sebagai Asia Knight Berhad) (AGM)</p>	<p>Kumpulan merekodkan pendapatan berjumlah RM121.2 juta pada tahun kewangan 2022, mewakili penurunan sebanyak RM9.2 juta atau 7% daripada RM130.4 juta pada tahun kewangan 2021. Penyusutan ini sebahagian besarnya disebabkan oleh permintaan yang lemah untuk Produk Penjagaan Kebersihan pada tahun ini (halaman 14 Laporan Tahunan 2022).</p> <p>Pengilangan dan penjualan produk penjagaan kebersihan seperti sabun, pensanitasi dan dispenser wangian (di bawah segmen produk plastik teracu) adalah tunjang utama RGT.</p> <p>Adakah normalisasi terhadap pandemik COVID-19 akan terus mengurangkan permintaan untuk produk RGT? Adakah penurunan permintaan untuk produk kebersihan syarikat telah dinormalkan? Adakah kita akan melihat pemulihan permintaan dalam masa terdekat?</p>
<p>DIGI. Com. Berhad (EGM)</p>	<p>Kumpulan MergeCo menjangka akan menanggung kos dan perbelanjaan tambahan dalam pelaksanaan Aku janji kepada Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia ("SKMM") bertarikh 28 Jun 2020 yang diberikan oleh Celcom Axiata Berhad dan Digi Telecommunications Sdn Bhd, yang dijangka mencairkan pendapatan dan perolehan sesaham (<i>earnings per share, EPS</i>) Kumpulan MergeCo dalam tahun-tahun terdekat selepas pemuktamadan Cadangan Penggabungan. Selepas melaksanakan anggaran awal nilai sinergi yang berpotensi daripada Cadangan Penggabungan ini, serta kos tambahan untuk Aktiviti Persepaduan Penggabungan serta untuk memenuhi Aku janji, Cadangan Penggabungan ini dijangka akan menyumbang secara positif kepada pendapatan dan perolehan sesaham Kumpulan MergeCo dalam jangka sederhana hingga jangka panjang (halaman 41 Pekeliling).</p> <p>a. Berapakah anggaran nilai sinergi yang berpotensi daripada Cadangan Penggabungan ini?</p> <p>b. Berapakah jumlah kos indikatif yang diperlukan untuk memenuhi Akujanji kepada MCMC?</p>

#### PEMANTAUAN KORPORAT MSWG

Devanesan Evanson, Ketua Pegawai Eksekutif, ([devanesan@mswg.org.my](mailto:devanesan@mswg.org.my))

Rita Foo, Ketua, Pemantauan Korporat, ([rita.foo@mswg.org.my](mailto:rita.foo@mswg.org.my))

Norhisam Sidek, Pengurus, Pemantauan Korporat, ([norhisam@mswg.org.my](mailto:norhisam@mswg.org.my))

Lee Chee Meng, Pengurus, Pemantauan Korporat, ([chee.meng@mswg.org.my](mailto:chee.meng@mswg.org.my))

Elaine Choo Yi Ling, Pengurus, Pemantauan Korporat, ([elaine.choo@mswg.org.my](mailto:elaine.choo@mswg.org.my))

Lim Cian Yai, Pengurus, Pemantauan Korporat, ([cianyai@mswg.org.my](mailto:cianyai@mswg.org.my))  
Ooi Beng Hooi, Pengurus, Pemantauan Korporat, ([ooi.benghooi@mswg.org.my](mailto:ooi.benghooi@mswg.org.my))  
Jackson Tan, Pengurus, Pemantauan Korporat, ([jackson@mswg.org.my](mailto:jackson@mswg.org.my))  
Clint Loh, Pengurus, Pemantauan Korporat, ([clint.loh@mswg.org.my](mailto:clint.loh@mswg.org.my))

---

#### **PENDEDAHAN KEPENTINGAN**

- *Berkenaan syarikat-syarikat yang dinyatakan, MSWG memiliki jumlah saham minimum dalam semua syarikat yang diliputi dalam surat berita ini.*

---

#### **PENOLAKAN TUNTUTAN**

*Surat berita ini dan isi kandungannya berserta semua hak-hak berkaitan dengannya termasuk hak cipta dimiliki oleh Badan Pengawas Pemegang Saham Minoriti Berhad, juga dikenali sebagai Minority Shareholders Watch Group (MSWG).*

*Isi kandungan dan pendapat yang dinyatakan di dalam surat berita ini adalah berdasarkan maklumat yang diperoleh daripada domain awam dan bertujuan untuk memberikan maklumat umum kepada pengguna dan adalah untuk rujukan sahaja. Usaha terbaik telah dilakukan untuk memastikan maklumat yang terkandung di dalam surat berita ini adalah tepat dan terkini pada tarikh penerbitan. Walau bagaimanapun, MSWG tidak membuat sebarang waranti nyata atau tersirat atas ketepatan atau kelengkapan maklumat dan pendapat yang terkandung di dalam surat berita ini. Tiada maklumat di dalam surat berita ini yang bertujuan atau patut dianggap sebagai syor untuk membeli atau menjual atau jemputan untuk melanggan sekuriti tertentu, pelaburan yang berkaitan atau mana-mana instrumen kewangan.*

*MSWG perlu diberikan perakuan bagi mana-mana bahagian surat berita ini yang diterbitkan semula.*

*MSWG tidak akan bertanggungjawab atau menanggung sebarang liabiliti atas kebergantungan kepada sebarang maklumat atau komen yang terkandung di dalam surat berita ini atau jika ianya diterbitkan semula oleh pihak ketiga. Semua pembaca atau pelabur dinasihatkan supaya mendapatkan nasihat perundangan atau nasihat profesional yang lain sebelum mengambil sebarang tindakan berdasarkan surat berita ini.*